



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA



e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Oktober - Disember 2013

Pelancaran Laman Web dan Video Ikon Pendermaan Organ

Putrajaya : Penderma organ yang meninggal dunia ketika menjalani rawatan kesihatan di hospital kerajaan tidak perlu membayar sebarang caj rawatan, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam. Inisiatif terbaru ditawarkan Kementerian Kesihatan sebagai langkah menarik minat masyarakat di Malaysia berikrar sebagai penderma organ.

Pada majlis sama, Datuk Seri Dr. S.Subramaniam turut melancarkan laman web www.dermaorgan.gov.my dan video ikon pendermaan organ yang dibarisi oleh 20 selebriti dan tokoh terkenal tanah air.



Minggu Kesedaran Pendermaan Organ

Minggu Kesedaran Pendermaan Organ telah 2013 diadakan pada 5 Oktober 2013 di Laman 1Malaysia, Presint 2 Putrajaya. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti senamrobik, walkathon bermesej, fun hunt, pameran pendermaan organ, pendermaan darah dan pemeriksaan kesihatan turut diadakan untuk menarik minat orang ramai mendapat kesedaran tentang pentingnya pendermaan organ. Majlis dirasmikan oleh YBhg Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ Kebangsaan YBhg. Tan Sri Dato' Lee Lam Thye dan ikon-ikon Pendermaan Organ.



3rd Ministerial Regional Forum on Environment and Health



3rd Ministerial Regional Forum on Environment and Health telah diadakan di Hotel Hilton Kuala Lumpur. Menteri dan Timbalan Menteri yang memegang portfolio kesihatan dan alam sekitar dari Brunei, Kemboja, China, Indonesia, Jepun, Laos, Mongolia, Myanmar, Filipina, Korea Selatan, Singapura, Thailand dan Vietnam merupakan ahli kepada forum yang diadakan selama 3 hari bermula 9 sehingga 11 September 2013.

YAB Dato Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan forum tersebut. Dalam ucapan perasmian beliau menyatakan enam langkah boleh diambil bagi memelihara kesihatan alam sekitar dalam perancangan pembangunan - menganalisis hubungan antara kesihatan alam sekitar dan pembangunan, mengutamakan isu kesihatan alam sekitar dalam objektif pembangunan yang lebih besar; menilai mandat institusi, kapasiti, peraturan, belanjawan dan penguatkuasaan berhubung kesihatan alam sekitar.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menganjurkan Karnival Kesihatan Pergigian: Gigi Ku Mutiara Ku Sempena Hari Kesihatan Sedunia 2013 & Malaysian Book Of Records Boneka Cha-Cha Kesihatan Pergigian Terpanjang Di Malaysia. Majlis disempurnakan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Karnival Kesihatan Pergigian: Gigi Ku Mutiara Ku

Tarikh : 6 Oktober 2013 (Ahad)

Masa : 10.00 pagi – 11.00 malam

Tempat : Lobi Utama Berjaya Times Square, KL

Perasmi : YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor

Objektif Karnival

- Untuk menanamkan sikap mementingkan penjagaan kesihatan pergigian dikalangan semua lapisan masyarakat bermula dari peringkat kanak-kanak lagi.
- Memperkasa individu, keluarga dan masyarakat akan kepentingan penjagaan kesihatan pergigian sendiri.
- Untuk memperkenalkan bahawa persembahan boneka adalah salah satu wadah promosi kesihatan pergigian yang berkesan.
- Untuk mencipta Malaysian Book of Records dalam persembahan boneka kesihatan pergigian terpanjang.
- Menjalankan promosi peranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam meningkatkan tahap kesihatan.
- Menjalin kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) sebagai salah satu strategi lautan biru kebangsaan (NBOS) dalam promosi kesihatan pergigian.



Perubatan Siddha Antarabangsa dalam Penjagaan Kesihatan Primer

Pada 11-12 November 2013, satu Persidangan Antarabangsa Siddha dalam Penjagaan Kesihatan Premier telah diadakan di Hotel Berjaya Times Square. Persidangan Antarabangsa yang diadakan oleh Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM). Objektif utama persidangan antarabangsa ini adalah untuk memperkenalkan perubatan Siddha kepada profesional kesihatan secara khususnya dan juga kepada masyarakat



secara umumnya serta mempromosi peranan perubatan Siddha, terutama dalam penjagaan kesihatan di peringkat primer. Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr S. Subramaniam turut hadir untuk merasmikan persidangan tersebut.

Persidangan Pengurusan dan Malam Mesra Kenangan 2013



Persidangan Pengurusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur pada 3-5 Disember 2013. Persidangan berlangsung selama dua (2) hari dengan tema "Akauntabiliti Kewangan Tanggungjawab Bersama" membincangkan beberapa topik pilihan mengenai pengurusan kewangan KKM. Seramai 250 orang peserta telah menghadiri persidangan ini dan mereka terdiri daripada Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan KKM, Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital, Pegawai Kesihatan Daerah dan pegawai-pegawai pengurusan KKM di seluruh negara. Objektif persidangan kali ini adalah untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman mengenai pengurusan kewangan dan pembangunan modal insani samping meningkatkan lagi akauntabiliti dan mengurangkan teguran audit di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kertas kerja telah dibentangkan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Dato' Haji Anwari Suri Timbalan Ketua Audit Negara dan Datuk Haji Mustafar bin Ali, Pengarah Bahagian Siasatan, SPRM



Lawatan KSU ke Hospital Sungai Buloh

Pada 21 November 2013, Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Farida Mohd Ali telah mengadakan lawatan ke Hospital Sungai Buloh bagi meninjau perkembangan semasa di hospital tersebut. YBhg. Datuk KSU telah dimaklumkan bahawa Projek Brainsuite Hospital Sungai Buloh mula beroperasi pada 10 Januari 2011. Slot pembedahan untuk pembedahan neuro pada 2010 ialah sebanyak sekali seminggu manakala pada 2011 jumlah pembedahan yang dijalankan ialah sebanyak dua kali seminggu dan pada 2012 pembedahan dijalankan sebanyak empat kali seminggu. YBhg. Datuk KSU dimaklumkan sebanyak 143 kes pembedahan berjaya dilaksanakan berbanding 123 kes pada tahun 2011 dan melibatkan selama 2394 jam pembedahan.



Pengorbanan Warga KKM Ketika **Banjir**



Limpahan hujan lebat di sekitar kawasan pantai timur menyebabkan berlakunya banjir yang luar biasa. Kawasan yang terjejas teruk di Kuantan & Kemaman bukan sahaja menyebabkan banyak kerosakan berlaku malah memberi peringatan kepada kita bahawa banjir boleh berlaku pada bila-bila masa pada musim tengkujuh.

Peristiwa bot terbalik di Seberang Tayur, Kemaman menunjukkan bahawa anggota KKM yang bertugas sanggup membahayakan nyawa demi menyelamatkan mangsa banjir. Anggota KKM yang sanggup menyelamatkan kelengkapan klinik juga harus dipuji kerana lebih mementingkan harta negara, walaupun rumah mereka sendiri ditenggelami air. Sifat terpuji ini haruslah menjadi ikutan dan teladan kepada semua warga KKM demi memastikan perkhidmatan kesihatan terutamanya dapat disalurkan terus kepada rakyat walau apa keadaan sekalipun.

YB Menteri Kesihatan dan YB Timbalan Menteri Kesihatan turut turun padang untuk melihat sendiri keadaan dan kebajikan anggota KKM yang bertugas di kawasan terjejas teruk tersebut.

Syabas dan tahniah kepada warga kerja KKM yang mempunyai komitmen tinggi, bertungkus-lumus dalam memberi perkhidmatan kepada mangsa banjir.



HARI AIDS SEDUNIA 2013 PERINGKAT KEBANGSAAN

KUALA TERENGGANU 2 Dis. - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor melahirkan rasa bangga dengan pencapaian Kementerian Kesihatan dianugerahkan United Nation Malaysia Award 2013 atas usahanya menurunkan kadar jangkitan HIV di negara ini.

Anugerah itu yang merupakan satu pengiktirafan di peringkat antarabangsa diterima pada 24 Oktober lalu itu berdasarkan kejayaan kementerian berkenaan mencapai Matlamat Pembangunan Millennium kelima dan juga keenam. Matlamat Pembangunan Millennium kelima adalah berkaitan kematian ibu manakala tempat keenam mempunyai kaitan dengan penyakit berjangkit terutama HIV/AIDS dan Malaria. Datin Seri Rosmah Mansor juga Penaung Yayasan AIDS Malaysia menyatakan perkara itu ketika berucap pada majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2013 Peringkat Kebangsaan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak dekat sini hari ini.



Yang turut hadir, isteri Menteri Besar, Toh Puan Seri Norliza Mahmud; Speaker Dewan Undangan Negeri, Mohd. Zubir Embong; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya; Ketua Setiausaha di kementerian itu, Datuk Farida Mohd. Ali dan Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Anwa Sulaiman.

Dalam ucapannya, beliau mengingatkan semua pihak agar tidak leka dan berada dalam zon selesa meskipun kadar HIV dan AIDS menunjukkan penurunan. Sebaliknya, kata beliau, langkah bagi mengekang jangkitan itu perlu digandakan selain memberikan rawatan dan bantuan kepada penghidap HIV dan juga yang terjejas akibat penyakit itu.



MESYUARAT PENETAPAN HALATUJU KKM DI MELAKA

Mesyuarat Penentuan Halatuju KKM telah diadakan di Melaka bermula 18 - 20 Oktober 2013. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan, Ketua Setiausaha KKM, Ketua Pengarah Kesihatan serta 45 pegawai kanan yang mewakili program dan agensi tertentu di KKM. Objektif mesyuarat ini adalah untuk menetapkan halatuju KKM bagi tempoh 3 tahun yang akan datang.

Mesyuarat 3 hari ini mengupas dan menetapkan halatuju serta dasar sekitar beberapa bidang utama/isu utama termasuk:

- Penyampaian kesihatan (kesihatan awam dan perubatan)
- Transformasi sistem kesihatan

- Halatuju sumber manusia
- Kaji semula struktur organisasi
- Jurang utama dalam infrastruktur KKM (ICT, pembangunan dan peralatan)

Hasil Mesyuarat tersebut, YB Menteri Kesihatan telah menggariskan 4 keputusan utama iaitu :

- Tumpuan kepada Penjagaan Kesihatan Primer dengan memberi fokus dalam menetapkan kesejahteraan penduduk. Konsep doktor keluarga perlu dilaksana / dihidupkan kembali.
- Membawa penjagaan kesihatan berdekatan rumah dengan memberi fokus kepada penjagaan domisilari
- Memperkasakan individu dan komuniti dalam bidang kesihatan
- Integrasi sektor kesihatan awam dan swasta

Puan Kong Hee Eng

Jawatan/Tempat Asal : Juruaudit Gred W54
Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik
Kementerian Kewangan Malaysia

Jawatan/ Tempat Baru : Ketua Audit Dalam
Juruaudit Gred Utama C (M)
Cawangan Audit Dalam

Tarikh Berkuatkuasa : 1 November 2013



Puan Hapsah binti Mohd Dusa

Jawatan/Tempat Asal : Ketua Penolong Pengarah
Pegawai Penerangan (Pend. Kesihatan) S48
Bahagian Pendidikan Kesihatan

Jawatan/ Tempat Baru : Ketua Komunikasi Korporat
Terbuka 54
Unit Komunikasi Korporat

Tarikh Berkuatkuasa : 2 Disember 2013




Tuan Peh Suan Yong

Jawatan/Tempat Asal : Penasihat Undang-undang Gred Jusa C
Mahkamah Perusahaan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jawatan/ Tempat Baru : Penasihat Undang-undang Gred Jusa C
Pejabat Penasihat Undang-undang

Tarikh Berkuatkuasa : 16 Disember 2013



Puan Pardiah Binti Talib

Jawatan/Tempat Asal : Timbalan Pengarah (Pengurusan) Gred M52
Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan

Jawatan/ Tempat Baru : Timbalan Setiausaha Bahagian
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54
Bahagian Kewangan

Tarikh Berkuatkuasa : 9 Disember 2013



Pegawai Yang Bersara | Jasamu Dikenang

1. Dr. Ganesh a/l Balasingam , Ketua Penolong Pengarah Kanan UD54 Bahagian Perkembangan Perubatan.
Tarikh Bersara : 4 Julai 2013 (Bersara Pilihan)
2. Pn. Moey Soo Foon , Pengajar Gred U48 Bahagian Pengurusan Latihan.
Tarikh Bersara : 1 November 2013 (Bersara Pilihan)
3. Pn. Nooraini binti Aziz , Penolong Pegawai Farmasi Gred U32 Bahagian Perkhidmatan Farmasi.
Tarikh Bersara : 24 November 2013 (Bersara Pilihan)
4. En. Wan Suliman bin Wan Mohamed , Pen. Pegawai Perubatan Gred U36 Bahagian Perkembangan Perubatan.
Tarikh Bersara : 28 November 2013 (Bersara Pilihan)
5. Pn. Hasanniah binti Hussin ,Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 Bahagian Khidmat Pengurusan .
Tarikh Bersara : 30 November 2013 (Bersara Wajib)
6. Pn. Vene Amylinda binti Mohd Pilus , Jurutera Gred J52 Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan.
Tarikh Bersara : 1 Disember 2013 (Bersara Pilihan)
7. Pn. Norizan binti Kamaruddin , Pengajar Gred U44 Bahagian Pengurusan Latihan.
Tarikh Bersara : 1 Disember 2013 (Bersara Wajib)
8. Pn. Nor Haziam binti Hj Zainal Abidin , Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga . Tarikh Bersara : 1 Disember 2013 (Bersara Pilihan)